



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ; MENJUNJUNG SYARIAT AGAMA



ISLAMIC SALVAGEUR OBEYANCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor



"MENJUNJUNG SYARIAT AGAMA".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ الْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ أَنْ يَقُولُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٥١﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٣﴾</p>	
<p>Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga khutbah ini memberi manfaat kepada kita semua.</p>	5
<p>Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk "MENJUNJUNG SYARIAT AGAMA."</p>	6



Syariat dari sudut bahasa ialah aturan atau ketetapan yang diperintahkan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya. Dari sudut istilah pula, syariat bererti penerapan nilai-nilai murni seluruh aspek kehidupan, bersesuaian dengan ajaran Islam, terkait dengan ibadat umum dan khusus bersumberkan kepada hukum Islam yang datang daripada Allah SWT melalui para Nabi. Ketetapan syariat agama meliputi ketetapan dalam bidang akidah, ibadah, munakahat, muamalat, jinayat dan akhlak. Semua ketetapan syariat agama Islam sebagai suatu cara hidup kepada manusia yang membawa dan menanam prinsip harmoni, rahmah, damai, berhubungan baik sesama manusia dan makhluk lainnya dan secara langsung meningkatkan ketaatan kepada Allah SWT sebagai hamba-Nya.

7

Firman Allah SWT dalam **Surah al-Anbiya ayat 107:**

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

Yang bermaksud: "Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

8

Syariat Islam amat menitik beratkan soal kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat selari dengan prinsip Maqasid syariat yang dianjurkan oleh Islam bagi tujuan dan matlamat memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda. Oleh itu tanggungjawab memahami dan mengamalkan syariat Islam dengan cara mengerjakan atau meninggalkannya kerana ketetapan syariat perlu dilaksanakan dengan ilmu, berhemah serta bijaksana.

9



Firman Allah dalam surah al-Maidah ayat 48.

لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَا جَا^ج وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً
وَاحِدَةً وَلَكِنْ لِيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ^ص فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ^ج إِلَى اللَّهِ
مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُمْ^ص بِمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٤٨﴾

10

"Bagi tiap-tiap umat yang ada antara kamu, Kami jadikan suatu syariat dan jalan agama yang terang. Sekiranya Allah menghendakinya nescaya Dia menjadikan kamu umat (yang bersatu dalam agama yang satu), tetapi Dia hendak mengujimu (dalam menjalankan) apa-apa yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh itu, berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan. Kepada Allah jualah kamu sekalian akan kembali, maka Dia akan memberitahu terhadap apa-apa yang kamu berselisihan mengenainya."

11

Pengamalan syariat dalam beberapa aspek kehidupan telah membuktikan syariat Islam membawa bersama empat elemen penting dan utama iaitu ukhuwwah, maslahat, hikmah dan keadilan. Elemen-elemen ini telah menjadikan kehidupan manusia pada hari ini berada dalam keadaan aman sejahtera dan bahagia. Keindahan syariat Islam tidak dapat disangkal lagi oleh umat Islam bahkan kepada semua umat manusia seluruhnya. Pelaksanaan syariat Islam ketika zaman Rasulullah SAW dan para sahabat menjadi pimpinan pemerintahan telah tercatat dalam sejarah ketamadunan dunianya yang tersendiri.

12



Di samping itu, syariat Islam mempunyai ciri-ciri khusus dan istimewa sebagaimana yang dijelaskan oleh Syeikh Profesor Dr. Yusuf al-Qaradhawi iaitu :

Bersifat rabbani iaitu bersumberkan dari wahyu al-Quran semata-mata. Ini bermaksud segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang terkandung dalam syariat adalah bersumberkan wahyu Allah SWT yang mencegah perbuatan mungkar dan zalim. Segala manual syariat berkaitan dengan kehidupan manusia yang diturunkan oleh Allah di dalam kitab al-Quran melalui Nabi Muhammad SAW adalah petunjuk yang amat betul dan sempurna.

13

Firman Allah dalam Surah al-Isra, ayat 9 :

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ
الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿٩﴾

14

"Sesungguhnya al-Quran ini memberikan petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam) dan memberikan berita yang menggembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar."

15



Berteraskan akhlak. Akhlak syariat ialah etika Islam yang wajib dimiliki oleh seseorang individu bagi melayakkan diri menjadi khalifah Allah. Sudah tentu sifat amanah, tawaduk, jujur dan sebagainya yang baik menjadi keutamaan. Menghiasi diri dengan akhlak yang baik lagi terpuji dan dalam masa yang sama menjauhi sikap kotor dan keji adalah satu tuntutan fardhu ain. Oleh itu, al-Quran merupakan sumber rujukan dan amalan utama dalam usaha membina akhlak yang terpuji bagi menjamin dan menjana kehidupan yang membahagiakan di dunia dan akhirat. Bahkan Islam membimbing umatnya mencontohi kehidupan Rasulullah SAW berkelakuan dan berakhlak mulia kepada orang lain disamping menghapuskan segala kezaliman sesama manusia, rasuah, penyelewengan, penipuan dan salah guna kuasa sebagaimana yang biasa dilakukan pada hari ini

16

. Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 83 :

لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ
وَالْمَسْكِينِ وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا ... ﴿٨٣﴾

17

Yang bermaksud: "Janganlah kamu menyembah selain Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua orang tua, kerabat, anak-anak yatim, dan orang-orang miskin. Dan bertutur katalah yang baik kepada manusia,

18



<p>Syariat islam bersifat realistik bukan fantasi. Penetapan waqī'iyah وَاقِعِيَّة (realistik) bermakna Islam adalah ajaran yang berpaksikan kepada kebenaran dan realistik, tidak ketinggalan zaman, futuristik, memacu kejayaan dalam segala urusan kehidupan manusia serta sesuai diamalkan pada bila-bila masa dimana-mana tempat atau pun lokasi. Pada zaman kegemilangan pemerintahan Islam Khalifah Umar bin Abdul Aziz, keadilan sosial dan kebebasan dapat dilaksanakan serta kemiskinan dapat dihapuskan. Pengamalan syariat ketika itu dapat dijunjung dengan tinggi dan diterima umat pada ketika itu. Ini membuktikan pelaksanaan syariat sentiasa praktikal, relevan dan benar-benar sesuai Islam sebagai agama yang benar dan diredhai Allah.</p>	19
<p>Firman Allah dalam surah Ali-Imran ayat 19 :</p> <p style="text-align: center;">إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ... ﴿١٩﴾</p> <p>Maksudnya: "Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah Islam."</p>	20
<p>Syariat islam adalah bersifat kemanusiaan dengan memelihara kemuliaan dan kemaslahatan manusia tanpa mengira bangsa, warna kulit atau status serta tidak mensia-siakan amalan dan usaha baik manusia.</p>	21
<p>Untuk itu, Allah SWT berfirman di dalam surah Ali-Imran ayat 195:</p> <p style="text-align: center;">أَنِّي لَأَاضِيعُ عَمَلٍ عَمِلٍ مِّنْكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أَنْتُمْ بِبَعْضِكُمْ مِّنْ بَعْضٍ</p>	22



Yang bermaksud: "Sesungguhnya Aku tidak akan sia-siakan amal orang-orang yang beramal daripada kalangan kamu sama ada lelaki atau perempuan (kerana) setengah kamu (adalah keturunan) daripada setengahnya yang lain.

23

Justeru, umat Islam perlu iltizam dan istiqamah menjunjung perintah dan amalan yang terkandung di dalam al-Quran dan Sunnah dengan menjadikan ilmu Aqidah, syariat dan Akhlak sebagai ilmu utama pegangan umat Islam. Dengan akidah yang mantap, syariat yang benar, akhlak yang indah dapat memperkasakan, mengangkat dan memperkukuhkan hukum Islam dalam pelbagai aspek kehidupan. Ia merangkumi pengembangan dan implementasi prinsip-prinsip syariat seperti amanah, adil, ikhlas dan itqan dalam segala bidang termasuk ekonomi, politik, sosial, dan budaya. Dengan ini, syiar Islam dapat dizahirkan, kemuliaan Islam dapat dijunjung dan keindahan Islam disebarkan di mana sahaja kita berada.

24

Pengamalan syariat Islam ini tidak mampu dilaksanakan secara individu, sebaliknya ia menjadi tanggungjawab bersama. Tujuannya adalah untuk mencapai tujuan syarak iaitu memelihara agama, akal, nyawa, harta dan keturunan. Bagi merealisasikan kehendak dan menjunjung tuntutan syarak ini, umat Islam dituntut untuk mendalami dan menguasai ilmu fardhu ain dan ilmu fardhu kifayah. Dengan membudayakan masyarakat berilmu, ia melahirkan individu yang berdaya saing, memimpin manusia kepada kebenaran, mendekatkan kepada kebaikan dan mencegah kejahatan serta mewujudkan masyarakat bertamadun dan bersyariat seperti kegemilangan Islam terdahulu. Penguasaan ilmu umat Islam terdahulu yang melahirkan manusia yang mematuhi segala perintah Allah dan meninggalkan larangan Allah telah membuktikan kesucian Islam terus kekal dipelihara dan syariat Islam terus dijunjung.

25



Hari ini, berlaku perjuangan atas nama syariat lalu menyalahkan dan menghina orang lain, atas nama syariat mereka menfitnah dan mengaibkan orang lain, semua kata-katanya yang terlontar dengan nama syariat tapi tidak membawa kepada rahmah dan kedamaian. Akhirnya Islam dan umat Islam berpecah dan dipandang hina.

26

Mengakhiri khutbah ini, marilah sama-sama kita mengambil pengajaran dan penghayatan agar dijadikan pedoman dan panduan kita. Antaranya ialah:

1. Tanggungjawab melaksanakan syariat Islam merupakan suatu kewajipan seseorang Muslim yang telah taklif (baligh) dengan menguasai ilmu yang betul dan kefahaman yang jelas.
2. Umat Islam hendaklah mencontohi kehidupan Rasulullah SAW dan para sahabat serta umat Islam terdahulu yang gemilang dari segi akidah, syariat dan akhlak bagi memastikan Islam dan umat Islam tetap mulia dan dihormati
3. Umat Islam hendaklah yakin bahawa keindahan Syariat Islam boleh dirasai dan menjadi naungan kepada semua manusia dan makhluk apabila perbuatan menyeru kepada kebaikan dan meninggalkan yang kita saling bersalahan diganti dengan syariat yang baik dan bijaksana.

27

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ

28

سَبِيلِهِ ذَلِكُمْ وَصَّاكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾



Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraikan kamu dari jalan Allah, Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertakwa. (surah al-An'am ayat 153).

29

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
7	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.
8	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَائِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،



<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>	9
<p>اللَّهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِي عَهْدِ سَلَاطُورِ، تَعَكُّوْا امِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،</p>	10
<p>فِي اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اللَّهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.</p>	11
<p>اللَّهُمَّ اِنَّا نَعُوْذُ بِكَ مِنْ جَهْدِ الْبَلَاءِ، وَدَرْكِ الشَّقَاءِ وَسُوءِ الْقَضَاءِ وَشَمَاتَةِ الْاَعْدَاءِ. اللَّهُمَّ اِنَّا نَعُوْذُ بِكَ مِنْ زَوَالِ نِعْمَتِكَ، وَتَحَوُّلِ عَافِيَتِكَ وَفُجَاءَةِ نِقْمَتِكَ وَجَمِيعِ سَخَطِكَ.</p>	12
<p>Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana, malapetaka dan banjir. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan Masjid Al Aqsa di Palestin.</p>	13



<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَائِنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ. اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ، وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ وَشَتِّتْ كَلِمَتَهُمْ، وَزَلِّزْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ، يَا جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ.</p>	14
<p>اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ وَيَا مُجْرِيَ السَّحَابِ وَيَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ، إِهْزِمِ أَعْدَاءَ الْمُسْلِمِينَ، إِهْزِمِهِمْ، إِهْزِمِهِمْ، وَأَنْصِرِ الْمُسْلِمِينَ عَلَيْهِمْ.</p>	15
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، ادْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	16
<p>Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.</p>	17
<p>Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	18



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	19
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٩٠﴾.	20
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾	21
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	22